

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM ALI  
Tajuk : MESYUARAT AGONG PERWAKILAN PUSPANITA YANG KE 17  
Lokasi : RUMAH PUSPANITA  
Tarikh : 10-07-1999

Y.Bhg. Puan Sri Teh Zahariah Jahidin Yang Di Pertua PUSPANITA Kebangsaan.

Y.Bhg. Puan Sri Datin Suslita Abdul Majid; dan

Y.Bhg. Datin Rohani bt. Harun Timbalan-timbalan Yang Di Pertua PUSPANITA

Y.Bhg. Penasihat-Penasihat PUSPANITA Cawangan Kementerian Dan Negeri Ahli-ahli Majlis Tertinggi;  
dan Semua Ahli PUSPANITA.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada PUSPANITA Kebangsaan kerana sekali lagi memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agong Perwakilan PUSPANITA. Saya diberi penghormatan yang sama pada tahun 1997 Mesyuarat Agong PUSPANITA Yang Ke-15. Sejak itu banyak aktiviti telah dijalankan oleh PUSPANITA bagi merapatkan lagi silaturahim di antara pegawai-pegawai wanita dan isteri-isteri pegawai dalam Perkhidmatan Awam, meningkatkan pengetahuan serta kesedaran mereka sebagai wanita, ibu serta anggota masyarakat yang berwibawa, dan menyumbang kepada kebajikan ahli-ahli. Kejayaan PUSPANITA menganjurkan berbagai seminar, menubuhkan Tabung PUSPADARA serta Latihan Pendidikan Anak-anak PUSPANITA adalah sangat menggembirakan dan telah banyak membantu usaha-usaha Kerajaan meningkatkan kedudukan wanita dalam masyarakat. Ini tidak bermakna wanita kita mundur dan tertinggal jauh kebelakang. Sebenarnya wanita kita adalah salah satu yang termaju di Asia. Namun demikian masih banyak yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi kedudukan dan martabad wanita di negara ini.

2. Tidak berapa lama lagi kita akan memasuki abad serta millenium yang baru dan akan menghadapi berbagai cabaran akibat perubahan yang begitu pantas dan kencang hasil ledakan teknologi maklumat (IT), dan globalisasi ekonomi antarabangsa. Kemajuan dalam bidang IT dan multimedia yang sudahpun dirasai sejak beberapa tahun yang lalu akan menjadi lebih ketara dalam abad yang akan datang. Kemajuan ini akan menukar cara hidup dan persekitaran kerja bagi setiap orang. Ini sudah pasti akan mempunyai kesan kepada wanita sendiri. Salah satu kesannya ialah peluang untuk menimba ilmu dan pengetahuan akan terbuka dengan lebih luas melalui penggunaan IT. Cara kita mengasuh anak-anak mungkin juga akan berubah. Anak-anak tidak lagi perlu dihantar ke tuisyen atau kelas tambahan, tetapi boleh belajar sendiri di rumah dengan menggunakan komputer. Bagi suri rumahtangga, keperluan untuk pergi ke pusat membeli-belah mungkin akan berkurangan dengan meningkatnya penggunaan E-commerce dan electronic transaction. Tetapi sebaliknya, ahli-ahli keluarga, khususnya anak-anak akan terdedah kepada berbagai-bagai unsur kebudayaan serta maklumat yang mempunyai pengaruh negatif ke atas mereka. Perkembangan ini sudah tentu akan menukar cara hidup setiap anggota masyarakat dan memberi cabaran baru kepada mereka. Dalam suasana ini peranan PUSPANITA dan cara ia menjalankan aktiviti juga perlulah dikaji semula dan diselaraskan dengan perkembangan semasa. Di sini adalah jelas bahawa tanggungjawab PUSPANITA untuk menggalakkan kesedaran serta latihan dalam bidang komputer adalah amat penting sekali. Matlamat Kerajaan adalah untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang maju dan pintar berasaskan penggunaan IT dan multimedia. Kerajaan telahpun mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi melatih pegawai-pegawai dalam bidang IT dan usaha-usaha sedang dijalankan bagi menubuhkan sistem Kerajaan Elektronik di seluruh negara. MSC dan bandar pintar Cyberjaya telah dibangun bagi mendudukkan industri IT.

Pihak swasta juga adalah digalakkan untuk memainkan peranannya bagi meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang penggunaan komputer dan IT untuk memajukan perdagangan dan perindustrian. Hasrat Kerajaan tidak akan tercapai sekiranya wanita tidak ikut serta dalam arus perubahan ini. Oleh itu peranan PUSPANITA bagi mengembangkan penggunaan IT di kalangan ahli-ahli dan keluarga

masing-masing menjadi satu tanggungjawab baru yang perlu dipikul bersama. Saya berharap sebahagian dari sumbangan Kerajaan sebanyak RM 1 juta itu akan digunakan bagi melatih anak-anak PUSPANITA dalam bidang IT.

3. Sebentar tadi kita telah mendengar keluhan Yang di Pertua PUSPANITA Kebangsaan tentang sikap dingin setengah pegawai-pegawai, lelaki dan perempuan terhadap aktiviti PUSPANITA. Keluhan ini akan diberi perhatian sewajarnya, tetapi saya berharap PUSPANITA juga, sebagai sebuah persatuan sukarela, akan dapat mencari jalan bagaimana menarik lebih ramai pegawai-pegawai wanita dan isteri-isteri pegawai Perkhidmatan Awam menyertai PUSPANITA.

4. Seperti yang pernah saya sebutkan dalam forum- forum PUSPANITA sebelum ini, Kerajaan menganggap persatuan ini sebagai satu badan yang cukup penting, khususnya dalam usaha meningkatkan kemajuan wanita di negara ini. Puan-puan yang hadir dalam mesyuarat ini merupakan tokoh-tokoh wanita yang dihormati dan disanjung di Kementerian, jabatan atau negeri masing- masing. Dengan kedudukan yang tinggi ini, puan-puan boleh memainkan peranan yang penting bagi menggerakkan wanita-wanita di jabatan masing-masing untuk sama-sama menyokong aktiviti-aktiviti PUSPANITA yang secara langsung dan tidak langsung akan memberi banyak manfaat kepada pembangunan negara. Hari ini dengan lebih kurang 40,000 orang ahli sahaja PUSPANITA dapat menganjur beberapa aktiviti yang besar manfaatnya.

Bayangkanlah betapa hebat dan betapa besarnya peranan yang boleh dimainkan oleh PUSAPNITA jika keahliannya dapat dilipat-gandakan.

5. Kedudukan puan-puan sebagai orang yang dihormati dan disegani berkait rapat dengan taraf puan-puan sebagai pegawai Kerajaan ataupun isteri kepada pegawai kanan Kerajaan. Pucuk pangkalnya oleh kerana Kerajaanlah, puan-puan mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat. Oleh itu tidak keterlaluanlah jika Kerajaan mengharapkan dari puan-puan persefahaman, kerjasama dan sokongan bagi menjayakan dasar Kerajaan, samada dasar pembangunan wanita maupun dasar-dasar lain bagi menjamin kemajuan dan kesetabilan negara secara berterusan.

6. Akhir-akhir ini berbagai berita dan tohmahan disebar oleh pihak tertentu di dalam dan luar negeri yang memburuk-burukkan Kerajaan, yang cuba memperkecilkan pencapaian serta kemajuan yang dicapai oleh negara yang mempersoalkan sistem pentadbiran yang selama ini telah menjamin perpaduan dan kemakmuran negara. Oleh itu saya berharap daptlah puan-puan menilai dan meneliti maklumat-maklumat dan berita- berita yang disebar itu secara objektif dan tidak mudah percaya atau tertarik dengan berita-berita tersebut.

7. Sistem pentadbiran dan Perkhidmatan Awam Malaysia adalah salah satu yang terbaik di dunia. Walaupun kadang-kadang adalah ternampak sedikit kelemahan di sana sini, ini merupakan satu exception kerana pada hakikatnya sistem pentadbiran dan Perkhidmatan Awam negara kita adalah utuh dan dapat berfungsi secara efficient hingga negara dapat maju dan kita semua menikmati taraf hidup yang selesa dalam keadaan selamat dan aman damai.

8. Saya berharap sebagai wakil PUSPANITA di peringkat masing-masing, puan-puan akan menyampaikan mesej ini kepada semua ahli-ahli lain di bawah jagaan puan-puan agar mereka juga dapat membeza tohmahan dari kenyataan dan dengan itu tidak terikut-ikut dengan usaha untuk memburuk atau memperkecilkan kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan dan Perkhidmatan Awam selama ini.

9. Adalah menjadi perkara biasa bagi pertubuhan dan persatuan membuat penilaian tentang kejayaan mereka di tahun-tahun yang lampau dan akan menggubal dasar-dasar baru apabila memasuki dekad atau abad baru. Saya percaya PUSPANITA juga akan berbuat demikian kalau tidak hari ini, mungkin sedikit masa lagi.

10. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agong Perwakilan PUSPANITA Ke-17 dan berdoa semoga mesyuarat ini berlangsung dengan lancar dan

jayanya.

Terima kasih.